

# Soalan Lazim Siri 4/2019

## Anti Rasuah dan Penyelewengan FELDA



Sekiranya petugas FELDA berada di luar kawasan atas tugas rasmi dengan menggunakan kenderaan jabatan dan pada ketika itu kenderaan tersebut telah mengalami kerosakan yang perlu dibaiki dengan kadar segera. Adakah tindakan yang perlu diambil oleh petugas tersebut bagi memastikan prosedur dipatuhi?

Petugas hendaklah memaklumkan perkara ini kepada Pengurus Besar Wilayah untuk mendapatkan kelulusan khas.

Pengurusan Wilayah hendaklah mengeluarkan kelulusan khas dengan kadar segera bagi membolehkan kenderaan tersebut dibaiki dengan segera di bengkel yang terdapat di kawasan tersebut.

**Bolehkah Unit Integriti FELDA memberi perlindungan kepada pemberi maklumat ?**

Unit Integriti boleh memberi perlindungan kepada pemberi maklumat dengan merahsiakan butir-butir diri pemberi maklumat dan maklumat yang diberikan. Perlindungan sepenuhnya di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 boleh diperoleh daripada Polis dan SPRM.

**Bolehkah Unit Integriti mempercepatkan proses tindakan atau hukuman ke atas kesalahan yang masih tergantung di Jawatankuasa Tatatertib FELDA?**

TIDAK BOLEH kerana kes atau kesalahan tatatertib di bawah bidang kuasa Jawatankuasa Tatatertib.

**Siapakah yang akan mengambil tindakan bagi kes kakitangan yang mencuri aset FELDA?**

Kesalahan tersebut merupakan kesalahan di bawah tatatertib. Oleh itu, tindakan / hukuman yang akan diambil akan diputuskan oleh Jawatankuasa Tatatertib.

Unit Integriti akan menguruskan kes-kes yang melibatkan rasuah, salah guna Kuasa dan penyelewengan.

FELDA memberikan kontrak sesuatu kerja kepada pembekal dengan tempoh kredit bayaran selama 30 hari. Tetapi jika tunggakan bayaran melebihi tempoh kredit tersebut kerana faktorkekangan kewangan FELDA, adakah petugas FELDA telah melakukan kesalahan? Apakah tindakan yang perlu diambil oleh petugas FELDA?

Mengikut terma bayaran/kontrak, bayaran perlu dijelaskan dalam tempoh 30 hari dari tarikh invois dikeluarkan / siap kerja. Bukan menjadi kesalahan petugas jika bayaran tidak dapat dibuat kerana kekangan kewangan FELDA.

Sehubungan itu, semua petugas FELDA perlu memastikan dan merancang keperluan sebenar sesuatu kerja kontrak yang akan ditawarkan pada masa hadapan.

Kontraktor yang lambat menerima bayaran akan melambatkan kerja-kerja semasa dengan sengaja kerana kekurangan modal atau bimbang bayaran kerja semasa juga akan lewat dibayar? Adakah Pengurus boleh mengeluarkan surat amaran kerja lewat siap kepada kontraktor / pembekal?

Surat amaran perlu dikeluarkan kerana kontraktor tidak mematuhi masa kontrak yang ditetapkan.

FELDA tidak boleh menjustifikasi sebab tidak dibayar membolehkan kontraktor lewat siap kerja.

**Apakah tindakan yang boleh diambil jika tertuduh mengugut saksi untuk mendedahkan maklumat pelapor / pengadu?**

Pengadu dan Saksi adalah berbeza dan undang-undang yang diguna pakai kepada mereka juga berbeza. Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 untuk Pengadu dan Akta Perlindungan Saksi 2009 untuk Saksi. Saksi boleh melaporkan kepada pihak penguat kuasa seperti SPRM dan Polis terhadap ugutan tersebut dan tindakan akan diambil oleh SPRM atau Polis mengikut akta tersebut.

**Bolehkah peneroka atau belia membuat aduan terus ke Unit Integriti?**

BOLEH dengan menggunakan pelbagai saluran aduan yang telah disediakan.

**Apakah tindakan yang perlu diambil oleh panel penemu duga yang mempunyai hubungan dengan calon bagi mengelak berlakunya percanggahan kepentingan / salah guna kuasa?**

Penemu duga yang mempunyai hubungan / kepentingan dengan calon yang ditemuduga hendaklah mengisyiharkan hubungan berkaitan calon itu dan tidak terlibat dengan urusan menemu duga dan apa-apa keputusan yang diambil.

**Apakah yang dimaksudkan dengan penipuan bidaan / pakatan tender?**

Penipuan bidaan berlaku apabila dua atau lebih syarikat atau individu berpaktat dalam menetapkan harga bidaan tender atau sebut harga dan bersetuju sesama mereka dalam menentukan siapakah yang akan berjaya dalam bidaan tersebut.

Penipuan bidaan juga berlaku apabila syarikat atau individu menggunakan syarikat-syarikat lain dalam mengemukakan tender atau sebut harga.